

Institusi pengajian tinggi (IPT) sebagai menara ilmu menggalas amanah negara untuk membentuk mahasiswa berkualiti yang akan memainkan peranan penting dalam mencorak masa depan negara. Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang juga naib cancelor pertama IPT itu, Prof Emeritus Tan Sri Dr Abdul Shukor Husin, berkongsi pendekatan USIM dalam melaksanakan tanggungjawab itu.

USIM bentuk insan berteraskan Islam



Q: Bagaimanakah Tan Sri melihat peranan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) kini?

J: Bermula dengan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) pada 2000, kini USIM melewati 13 tahun usia penubuhannya sebagai universiti awam yang sentiasa mendapat perhatian penuh kerajaan.

Kerajaan memberi amanah kepada universiti untuk membangunkan dan melahirkan modal insan terbaik supaya mereka menjadi generasi yang berteraskan ilmu pengetahuan, memiliki nilai mulia, kemahiran dan kemampuan tinggi serta kehebatan minda yang kreatif dan inovatif.

Alhamdulillah, tanggungjawab itu mampu digalas USIM dengan baik sehingga kini untuk melahirkan graduan yang mampu memberi sumbangan kepada masyarakat dan negara.

Q: Mohon kongsi pendekatan dilaksanakan USIM bagi melahirkan modal insan berkualiti diharapkan?

J: Melahirkan generasi yang mampu menyumbang kepada masyarakat dan negara pastinya melalui sistem pentarbiahan (pendidikan) yang baik. Saya berpendapat, tanggungjawab mendidik ini perlu dianggap sebagai kewajipan dan amanah yang digalas secara bersama di USIM, bukannya diletakkan pada bahu individu tertentu saja.

USIM menjadikan pengajian Islam sebagai teras pendidikan dan mengambil pendekatan unik untuk mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli dalam setiap program akademik ditawarkan serta dalam amalan pentadbiran dan pengurusan.

Integrasi ilmu naqli dan aqli diterjemahkan dengan sebaik-baiknya oleh mereka yang berkhidmat di universiti ini supaya amanah yang disandarkan oleh negara terhadap kami dapat ditunaikan.

Kerajaan turut memberi sokongan termasuk dalam aspek kewangan, penyediaan sumber manusia, kelengkapan alat pengajaran dan pembelajaran (P&P) dan geran penyelidikan.

Sebenarnya, semua warga USIM mampu mengumpul saham akhirat yang bernilai walaupun sumbangannya hanya sekecil zarah dalam

melahirkan modal insan terbaik dihasratkan oleh kerajaan.

Q: Cabaran universiti untuk mewujudkan suasana pendidikan yang terbaik ibarat satu pelaburan dalam pembinaan generasi. Apakah pandangan Tan Sri mengenai hal ini?

J: Pendidikan adalah sesuatu yang dinamik dan tidak bersifat statik pada satu tahap atau ruang lingkup. Pendidikan berteraskan nilai sesebuah masyarakat, pemikiran dan bertujuan memenuhi keperluan manusia yang sentiasa wujud.

Proses pendidikan untuk membina seseorang insan bukan sesuatu yang mudah. Hal ini bukannya ibarat, hari ini menanam, esok sudah menuai hasil.

Pendidikan membina insan merupakan pelaburan jangka masa panjang yang tidak mempunyai formula atau kiraan khusus sebagai jaminan semuanya akan berjaya mengikut acuan yang dikehendaki.

Pelaburan pendidikan tidak bersifat komersial seperti pelaburan perniagaan yang menjanjikan keuntungan dalam bentuk wang ringgit sebagai kayu ukur yang jelas untuk dinilai.

Membangunkan manusia melalui pendidikan ialah pelaburan yang kompleks. Kita sendiri menyedari untuk memahami sikap, perwa-

takan, isi hati dan pelbagai ciri berkaitan seorang insan bukan sesuatu yang mudah.

Menjadi satu cabaran besar untuk mendidik seorang manusia bagi memastikan keseimbangan fizikal, rohani, spiritual, emosi, tingkah laku serta nafsunya.

Hakikat itu juga menjadikan pendidikan berciri dinamik dalam memastikan modal insan dihasilkan kelak menepati keperluan negara selain memenuhi visi dan misi pendidikan itu sendiri.

Q: Apakah keutamaan dalam usaha membangunkan modal insan di institusi pengajian tinggi (IPT)?

J: Kita lihat kembali sirah Nabi Muhammad SAW dalam menyampaikan dan menyebarkan dakwah Islam. Baginda memperuntukkan 13 tahun berdakwah di Makkah dan 10 tahun di Madinah.

Selama 13 tahun di Makkah, Rasulullah SAW memfokuskan kepada pembangunan modal insan dengan memperkasa jati diri, rohani, minda dan keyakinan umat Islam terhadap dakwah dan pengorbanan kepada agama.

Sementara, 10 tahun di Madinah pula Baginda menumpukan kepada pemban-

gunan ekonomi, perundangan, hubungan antarabangsa dan kesejahteraan rakyatnya.

Baginda menghabiskan lebih separuh kehidupannya untuk melaksanakan dakwah dan tugasnya apabila dilantik sebagai Rasul untuk memastikan umat Islam ketika itu mempunyai kekuatan dalaman yang kukuh.

Hal ini menunjukkan, bagi melahirkan modal insan yang terbaik, pendidikan yang diberikan harus memberi keutamaan untuk membentuk asas dalaman yang sempurna. Kesilapan dalam membentuk sesebuah sistem pendidikan, akan memberi kesan yang amat buruk.

Pendidikan menentukan modal insan yang bagaimana akan dibentuk bersesuaian dengan hadis Rasulullah SAW yang bermaksud "Anak itu ibarat kain putih, ibu bapalah yang akan mencorakannya menjadi Nasrani, Yahudi ataupun Majusi."

Melalui hadis ini, dapat kita simpulkan bagaimana seorang anak kecil akan dipengaruhi oleh pendidikan dalaman dan luaran yang diberikan oleh ibu bapa.

Bagi membentuk modal insan yang sempurna, kita harus menyediakan pendidikan yang membentuk nilai

dalaman terpuji serta menyediakan persekitaran pendidikan yang terbaik kepada mereka. Perkara ini adalah suatu amanah.

Q: Apakah ciri pendidikan berteraskan pengajian Islam yang diterapkan USIM?

J: Pertama, ilmu pengetahuan yang diajar berteraskan Tauhid dan kedua, ilmu yang disebarkan berteraskan sistem nilai. Ciri ketiga pula, ilmu yang dimiliki itu disampaikan, dikongsi dan disebarkan untuk menyebar luas syariat Allah kepada manusia dan terakhir ilmu itu mampu menjadi panduan yang berguna kepada terbentuknya sistem kehidupan yang baik.

Sejarah telah membuktikan bagaimana pendidikan berteraskan Pengajian Islam ini berjaya membina peradaban iaitu tamadun yang terbaik untuk manusia sejagat. Sumber pendidikan Islam yang pertama mesti bersumberkan al-Quran dan Sunnah. Kedua-dua sumber ini perlu difahami dan dihidam dengan baik menggunakan akal fikiran yang dikurniakan Allah SWT.

Apabila penghayatan itu wujud, sumber ini dapat digunakan untuk mentransformasikan pelbagai perkara berkaitan dalam usaha pembinaan masyarakat dan negara yang cemerlang.

USIM perlu memastikan bahawa visi, misi dan falsafah yang menjadi tunjang penubuhannya bergerak di atas landasan yang betul iaitu kesepaduan antara ilmu naqli dengan aqli. Contohnya, bagi melaksanakan dasar di universiti, pandangan semua pihak, sama ada peringkat atasan atau bawahan perlu diambil kira.

Setiap idea dan kreativiti yang dilontarkan oleh mereka yang pakar dalam bidang kerja mereka boleh menjadi bahan pemikiran dan pertimbangan bagi membentuk sesuatu dasar yang baik.

Penguasaan ilmu dalam sesuatu bidang amat penting. Bagi menguasainya, penguasaan bahasa yang pelbagai terutama bahasa bidang ilmu itu amat penting.

Mahasiswa yang ingin menguasai ilmu al-Quran dan hadis perlu menguasai bahasa asas atau awal ilmu itu diperoleh iaitu bahasa Arab. Dalam konteks ini, USIM melaksanakan pembelajaran dan pengajaran dalam dwibahasa iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Arab.

Saya mengesyorkan supaya semakan kurikulum universiti dilakukan setiap empat atau lima tahun sekali untuk penambahbaikan jika perlu agar pengetahuan akademik dan kemahiran insaniah dapat diterapkan secara seimbang dalam diri mahasiswa USIM.

